

03 SEP 2002

Mahathir-Inggeris/I

PM AKAN BINDANG DENGAN KABINET MENGENAI B.INGGERIS

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa beliau akan berbincang dengan Kabinet mengenai persoalan tahap persekolahan bagi memulakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata ini kerana ada kalangan yang berpendapat penggunaan bahasa Inggeris seharusnya dimulakan pada peringkat sekolah menengah.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas membuka satu persidangan mengenai percukaian di Seri Kembangan di sini, beliau berkata: "Ada yang cadangkan supaya ia dimulakan di peringkat sekolah menengah, ada juga yang cadang dimulakan di Darjah Empat. Jadi kita masih timbang, kita belum buat keputusan.

"Memanglah saya kena bincang dengan Kabinet saya. Ini bukan persoalan untuk saya sahaja putuskan, Persoalan ini melibatkan Kementerian Pendidikan. Takkan saya nak ketepikan dia, saya kena tanya dia."

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai pertemuannya semalam dengan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina (ACCCIM) dan tujuh lagi pertubuhan utama mewakili kaum Cina mengenai rancangan kerajaan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar kedua-dua mata pelajaran itu mulai tahun depan.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, nampaknya majoriti orang Melayu dan Cina, termasuk pakar bahasa, sudah menerima hakikat pentingnya bahasa Inggeris dan perlunya dipertingkatkan penguasaan bahasa itu.

Beliau berkata walau apa pun keputusan yang akan dibuat, ia tidak akan menghalang kerajaan daripada melengkapkan sekolah-sekolah dengan komputer dan peralatan pendidikan lain yang diperlukan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Perdana Menteri turut ditanya tentang keputusan Jawatankuasa Pusat MCA pada 29 Ogos lepas tidak melantik semula Timbalan Presiden parti Datuk Lim Ah Lek sebagai pengerusi jawatankuasa disiplin parti itu.

Dr Mahathir berkata: "Oleh kerana Datuk Lim Ah Lek sendiri terlibat dengan masalah, tentulah tidak sesuai bagi dia menjadi pengerusi jawatankuasa disiplin parti."

Bagaimanapun, beliau berkata pada masa yang sama sepatutnya ada rundingan antara pihak-pihak berkenaan berhubung siapa yang patut berada dalam jawatankuasa itu.

"Tetapi banyak yang menuduh bahawa tidak ada rundingan. Saya tak tahulah, ini masalah MCA, saya tak campur tangan," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS RM NMO